

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

PASUKAN KHAS MyCC SIASAT INDUSTRI AYAM DAN TELUR

KUALA LUMPUR, 1 FEBRUARI 2022 – Sebagai badan penguatkuasa yang diberi mandat untuk melindungi proses persaingan untuk kebaikan rakyat dan mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada terdapat pelanggaran undang-undang persaingan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyokong keputusan-keputusan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dalam menyelesaikan isu kenaikan harga ayam dan telur ayam.

Justeru, rentetan daripada arahan kepada MyCC oleh mesyuarat yang sama, MyCC telah menubuhkan satu pasukan khas untuk menyiasat, hingga ke akar umbi, isu persaingan dalam industri tersebut.

Jika terdapat sebarang sabotaj ekonomi terhadap rakyat dilakukan oleh mana-mana pihak melalui elemen kartel; atau penyalahgunaan kuasa dominan atau monopoli dalam industri ayam dan/atau telur ayam di negara ini yang mengambil kesempatan atas kesusahan rakyat terutama dalam era pandemik ini, MyCC tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan tegas berdasarkan kuasanya di bawah Akta Persaingan 2010 terhadap pihak-pihak berkenaan. Tindakan ini termasuk mengenakan penalti maksimum dan tindakan tegas lain bagi memastikan penindasan ini dihentikan sama sekali demi kepentingan rakyat.

-tamat-



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Pengarah, Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit : +6019 268 7030

Emel : azila@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.